

# Langgar lelaki hingga hilang sebelah kaki, penganggur kena 15 tahun, lapan sebatan



**KE PENJARA:** Tertuduh (kiri) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen selepas dijatuhkan hukuman semalam.

**KUCHING:** Seorang penganggur lelaki dipenjarakan 15 tahun dan dikenakan lapan sebatan oleh Mahkamah Sesyen semalam selepas didapati bersalah menyebabkan cedera parah terhadap seorang lelaki dengan melanggarnya menggunakan sebuah kereta sehingga mangsa kehilangan sebelah kaki dan mengalami kecacatan kekal.

Hakim Musli Ab Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap Pevenoe Ronald Micheal Ling, 39, selepas mensabitkannya atas pertuduhan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan di akhir perbicaraan penuh.

Dalam penghakimannya, Musli mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah, manakala pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Setelah mempertimbangkan keseluruhan fakta kes, hujahan kedua-dua pihak serta

kecederaan serius yang dialami mangsa, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun bermula dari tarikh tangkapan pada 17 Julai 2023 dan lapan sebatan terhadap tertuduh," kata Musli.

Beliau turut menolak permohonan pampasan kepada mangsa selepas mendapati tertuduh tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membuat bayaran, selain tidak mahu membebankan ibu serta ahli keluarganya.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap seorang lelaki berusia 42 tahun pada waktu kejadian dengan menggunakan sebuah kereta, iaitu suatu alat yang mungkin menyebabkan kematian.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar jam 9 malam, 15 Julai 2023 di lampu isyarat Taman Desa Wira, di sini.

Fakta kes mendedahkan rakan mangsa mengajak mangsa untuk menjejaki isterinya pada malam kejadian dan mereka menemui kereta wanita terbabit diletakkan di hadapan sebuah rumah penginapan.

Sekitar jam 8 malam, mereka ternampak tertuduh keluar dari rumah penginapan dan menuju ke kereta milik isteri rakan mangsa, namun wanita itu tidak dilihat bersama tertuduh.

Rakan mangsa kemudian cuba bertanyakan mengenai keberadaan wanita terbabit, namun tertuduh terus memandu meninggalkan lokasi.

Sehubungan itu, mangsa dan rakannya mengekori kenderaan dipandu tertuduh sehingga ke Jalan Batu Kawa berhampiran persimpangan Desa Wira sebelum berlaku pelanggaran antara kedua-dua kenderaan.

# Langgar lelaki hingga hilang sebelah kaki, penganggur kena 15 tahun, lapan sebatan

## ► Dari Muka 1

Selepas kedua-dua kenderaan berhenti, mangsa keluar untuk bercakap dengan tertuduh, namun tertuduh mengundurkan keretanya sehingga memaksa mangsa melarikan diri ke kaki lima jalan.

Tertuduh kemudiannya dengan sengaja memandu ke arah mangsa dan melanggar buku lali kanan mangsa sehingga dia terjatuh.

Selepas itu, tertuduh mengundurkan kender-

aan dan melanggar kereta dipandu rakan mangsa sebelum melarikan diri dari lokasi kejadian.

Perbicaraan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Asmawi Nur Haqim Mokhtar menyaksikan pihak pendakwaan memanggil enam saksi, manakala tertuduh yang diwakili peguam Arthur Liang Dawat mengemukakan dua saksi pembelaan.

Penghujahan hukuman bagi prosiding semalam dikendalikan oleh DPP Chuah Kai Sheng.